

## Ijazah seni buka pintu rezeki jadi kurator

DARIPADA bidang reka bentuk media interaktif di Politeknik Nanyang, Encik Haironizam (Hyrol) Sami'on menabur daya kreatif bagi mendalami ijazah seni halus hingga ke tangga jaya kepujian kelas pertama di Maktab Seni Lasalle.

"Penghijrahan" itu dibuat atas keinginan mencuba sesuatu yang selari dengan naluri mahu bergiat dalam seni dan menyampaikan maksud tertentu kepada masyarakat.

Kini, pemuda berusia 31 tahun itu diamanahkan menjadi kurator bersama pameran *Every Move You Make*. Pameran itu meneroka cara sekitar bandar dan keadaan kerja menjejaskan dan proses menghasilkan karya seni.

Pastinya tugas baru selaku kurator dan eksekutif pameran di Institut Seni Kontemporari Singapura Maktab Seni Lasalle itu mencabar buatinya yang sebelum ini hanya menandatangani karya bagi pameran di institusi tersebut.

Bersama seorang lagi kurator, Encik Sufian Samsiyar, Encik Hyrol perlu menggabungkan lima seniman baru yang menjalankan tugas sepenuh masa atau sambilan, di samping memburu cita-cita serius dalam bidang seni.

Pameran *Every Move You Make* berlangsung dari 27 Januari lalu hingga 23 Februari ini di Galeri Brother Joseph McNally, Institut Seni Kontemporari Singapura, Lasalle.

Menjelaskan lebih lanjut tentang peluang yang diraih dalam menyelaras pameran itu, Encik Hyrol berkata:

"Sebenarnya, ini kali pertama saya perlu mengalas tugas besar sebagai kurator.

"Dahulu, saya hanya serahkan karya untuk dipamerkan, tetapi kini saya pula yang bantu mencari seniman muda daripada senarai kemalan, meninjau Instagram bagi mencari karya menarik artis tempatan, di samping menyelaras segalanya dalam tempoh sesingkat ini.

"Saya bersyukur kerana bidang seni halus yang saya terokai di peringkat ijazah membuka peluang bagi saya mempelajari selok-belok pameran kreatif sebegini yang boleh diselaras."

Tajuk pameran itu sendiri mengingatkan anda tentang lirik lagu kumpulan The Police, *Every Breath You Take*, iaitu baris keduanya 'Every Move You Make'.

Menurut Encik Hyrol, ia memberi gambaran bahawa setiap langkah atau keputusan akan membawa sesuatu kesan yang sama ada dijangka atau tidak.

"Saya tertarik dengan karya seni yang menekankan usaha mengemudi sesuatu pergerakan dalam ruang yang khusus.

"Pameran ini menunjukkan kepekaan



**PELUANG KETENGAH BAKAT:** Dengan ijazah seni halus Maktab Seni Lasalle, Encik Haironizam Sami'on berpeluang menjadi kurator pameran 'Every Move You Make', manakala Cik Shazwany Aziz menyatukan idea harian pada kolaj kertas di belakang mereka. - Foto JOHARI RAHMAT

seniman terhadap sekitaran dan bagaimana mereka memberi tindak balas terhadap keadaan yang dihadapi," katanya lagi.

Beliau juga tertarik bahawa seniman muda yang dilibatkan dalam pameran itu mempunyai kerencaman kerjaya yang diceburi atau menggunakan medium seni berlainan di sebalik kecenderungan serupa, iaitu berkarya.

"Mereka mungkin keterbatasan masa dan keupayaan menghasilkan karya seni, tetapi nampaknya ada yang seperti pemaju berbilang media, Shazwany Aziz (*lihat laporan sebelah*), yang berkarya dengan cebisan kertas 'Post-It' atau bahan harian di pejabat. "Faiz Zohri sebagai arkitek landskap pula menghasilkan seni pemasangan yang dilancarkan daripada ruang lengkung duduk di bawah jambatan yang dilihat. Karya ini melambangkan skop pemikirannya dalam menjalankan tugas seharian," ujar Encik Hyrol.

Ada juga karya seni pensyarah yang turut mengendalikan perniagaan muzik keluarga mahupun penyajak yang menghasilkan coretan dialog antara kurator dan seniman yang biasa kedengaran.

"Apa-apa sahaja bahan, misalnya seluar hitam, tulisan teks, arca berbentuk seperti beg tinju dan tilam, boleh dijadikan bahan seni. Seni itu luas. Ia bukan setakat lukisan semata. Ia lebih daripada itu.

"Lantaran itu, saya seronok meneroka bidang seni halus yang membawa saya bertemu ramai karyawan daripada pelbagai bidang. Seni itu boleh dihasilkan sesiapa sahaja jika kita benar-benar ingin memasyarakatkannya," ujar Encik Hyrol.

## Gabung kemahiran berbilang media, seni halus dalam kerjaya

MENYATUKAN cinta terhadap teknologi berbilang media dan seni bukannya payah bagi Cik Shazwany Aziz.

Sebabnya, karyawan berbilang media berusia 31 tahun itu memiliki diploma bidang berbilang media Politeknik Temasek (TP) dan ijazah sarjana muda bidang seni halus Maktab Seni Lasalle.

Pengkhususannya pula di Lasalle ialah bidang cetakan, sesuatu yang sentiasa dekat di hati sehingga mendorongnya mengikuti program jelajah seni di sebuah syarikat cetakan risalah setempat, NPE Print tidak lama lagi.

Kini, Cik Syazwany bersyukur karya seninya berupa kolaj, atau cantuman kertas bak catatan atau contengan pengamatan sehariannya, menarik perhatian kurator pameran seni *Every Move You Make* di Institut Seni Kontemporari Singapura, Lasalle.

Pameran yang berlangsung dari 27 Januari lalu hingga 23 Februari ini mengnetekahkan kerja seni artis yang juga mempunyai pekerjaan sepenuh masa atau sambilan dalam cabang berbeza.

Saban tahun bahkan wanita ramah itu, yang memuatnaikkan foto kerjanya di

"Berkat latihan itu, saya tidak terasa malas berkarya dan menjadikan kerja seni menyiapkan kolaj itu sebagai rutin harian yang tidak mampu saya lepaskan kalau saya ingin berjaya."

**- Karyawan Cik Shazwany Aziz, berkenaan latihannya bersama pakar tembikar Dr Iskandar Jalil.**

Instagram, berusaha menjayakan sekurang-kurangnya dua pameran seni bagi memastikan beliau tidak berhenti menajara karya buat tatapan umum.

Ketika ditemui di Lasalle, Cik Syazwany berkata:

"Yang menariknya, sejak di TP, minat terhadap seni sudah sedia ada, meskipun saya pelajar Sekolah Teknologi Maklumat. Saya juga menyertai Kelab Fotografi.

"Hanya kerana saya rasa minat itu tidak dikembangkan, maka saya mengambil keputusan mengikuti pengajian ijazah seni halus di Lasalle.

"Saya bertuah kerana di TP wujud skim silang disiplin yang membolehkan saya mengambil modul bukan daripada Sekolah Teknologi Maklumat.

"Jadi saya boleh ke Sekolah Perniagaan atau Sekolah Reka Bentuk bagi memperluas minat dan pengetahuan.

"Saya ikuti kursus warna dan komposisi yang mendekatkan saya dengan jiwa seni, di mana saya mampu menghargai seni lukisan dan pemilihan warna. Dari situlah timbul cita-cita mendalami seni halus."

Ketika di Lasalle, beliau kembali memanfaatkan kemahiran dalam bidang teknologi berbilang media bagi menghasilkan laman Internet.

Dalam membina kerjaya sebagai karyawan berbilang media, yang antara lain perlu menyiapkan makalah, nota dan penerbitan elektronik, kemahiran di peringkat diploma itu tetap berguna.

"Tapi saya tidak lupa bidang seni. Sekitar Jun 2015, saya mulakan projek kolaj menggunakan nota Post-It di pejabat.

"Waktu itu bulan puasa dan ada masa terluang kerana tidak keluar makan tengah hari.

"Saya hasilkan kerja seni itu dari awal pagi sebelum Subuh dan meneruskannya sebagai kegiatan harian. Dari masa ke masa, saya melihat kolaj ini menjadi lebih besar sehingga sudah lebih 150 kerja seni terhasil," ceritanya.

Antara lain, kolaj itu menggambarkan pengamatannya dalam setiap perjalanan ke pejabat.

Ada yang kelihatan seperti garisan seganda, lintasan 'zebra' mahupun burung berterbangan.

"Gaya saya berubah dari masa ke masa. Kebanyakannya ialah contengan abstrak yang membiarkan orang mengandaikan sahaja takrifan setiap kerja seni saya.

"Sekurang-kurangnya dalam kesibukan bekerja, saya dapat menggunakan alat tulis mudah di pejabat bagi menghasilkan karya seni," katanya.

Cik Syazwany juga bersyukur peralihan bidang daripada teknologi berbilang media kepada seni halus turut membuka peluang buatinya menjadi anak didik pakar tembikar tersohor Singapura, Dr Iskandar Jalil.

Mereka dipadankan dalam program Pro-tege kendalian Mendaki.

"Dalam tempoh beberapa bulan itu, saya belajar tentang disiplin berkarya daripada Dr Iskandar yang sangat tegas.

"Berkat latihan itu, saya tidak terasa malas berkarya dan menjadikan kerja seni menyiapkan kolaj itu sebagai rutin harian yang tidak mampu saya lepaskan kalau saya ingin berjaya," ujarnya.

► Pameran 'Every Move You Make' berlangsung di Galeri Brother Joseph McNally, Institut Seni Kontemporari Singapura, hingga 23 Februari ini. Galeri dibuka dari Selasa hingga Ahad, 12 tengah hari hingga 7 malam.

### ***Arts degree opens door to a livelihood as a curator***

FROM studying interactive media design at the Nanyang Polytechnic, Mr Hairolnizam (Hyrol) Sami'on furthered his creative talents to delve into a degree in the fine arts to achieve a first class honours at LASALLE College of the Arts.

The 'shift' was made due to his desire to try something that was in line with his inclination to get involved in the arts and convey a message to society.

Now, the 31-year-old young man has been appointed as curator for the exhibition *Every Move You Make*. The exhibition explores how the urban landscape and work environment affects the artist and the process of developing art works.

Certainly the new job as curator and Exhibitions Executive at the Institute of Contemporary Arts Singapore, LASALLE College of the Arts, is challenging for him. Before this, he had only put up art works for exhibition at the institute.

Along with a fellow curator Mr. Sufian Samsiyar, Mr Hyrol had to collaborate with five other new artists who are working either full time or part time, while pursuing their passion in the arts.

The exhibition *Every Move You Make* began on 27 January and will run until 23 February at the Brother Joseph McNally Gallery, Institute of Contemporary Arts Singapore, LASALLE.

Elaborating on the opportunity he gained in running the exhibition, Mr Hyrol said:

"Actually, this is the first time I have had to handle the immense task of curating.

In the past, I would only be submitting works for display, but now I am helping out to search for young artists from my list of acquaintances, combing through Instagram to look for interesting local artists, and collating everything in this short time.

"I am grateful because the field of fine arts that I am exploring has opened doors for me to learn the ropes of exhibiting and curating."

The theme of the exhibit itself reminds one of the lyrics from the song by The Police, *Every Breath You Take*, in which the second line is 'Every Move You Make'.

According to Mr Hyrol, it sets up a scene whereby each step or decision made brings about an effect that is anticipated or not.

"I am attracted to art works that emphasise effort to direct movement within a finite space.

"This exhibition shows how sensitive artists are to the environment and how they react to the situations they face," he added.

He is drawn to young artists who are involved in the exhibition while still in various occupations, or those who use different art media and display synergy across their works.

"They may be limited by time and the ability to produce art works, but mixed media champions have emerged nonetheless, such as Shazwany Aziz (see next report), who uses bits of 'Post-It' paper or office supplies to create art.

"Faiz Zohri, as a landscape architect, produced a piece of installation art that was inspired by the curved seats he saw under a bridge. This work symbolizes his scope of thought in carrying out daily tasks," says Mr Hyrol.

There are also art works by a lecturer who also runs a family music business, and a poet who produced a piece of dialogue that is commonly heard between the curator and the artist.

"Whatever the medium, for example a pair of black pants, a written text, a sculpture in the shape of a boxing bag and mattress, it can be made into a work of art. Art is vast. It is not merely a painting. It is more than that.

"Thus, I enjoy exploring the field of fine arts that has brought me to meet many professionals from various fields. Art can be produced by anyone if we really want to make it social," says Mr Hyrol.

### **OPPORTUNITY TO HIGHLIGHT TALENT**

With his Lasalle College of the Arts degree, Mr Hairolnizam Sami'on was able to become curator of the 'Every Move You Make' exhibition, whereas Miss Shazwany Aziz unites everyday ideas on a paper collage behind them.

- Photo JOHARI RAHMAT

### ***Combine mixed media skills, fine arts at work***

"With that training, I do not get bored with the daily routine of creating and making the collage into a piece of art as I cannot give up if I want to succeed."

- Miss Shazwany Aziz, on her training with expert potter Dr Iskandar Jalil

COMBINING her love for mixed media technology and art was not difficult for Miss Shazwany Aziz.

This is because the 31-year-old multimedia professional holds a diploma in multimedia arts from Temasek Polytechnic (TP) and a BA(Hons) Fine Arts from LASALLE College of the Arts.

Her specialisation at LASALLE was in printmaking, something that was close to her heart and led her to enrol in a residency programme to explore art at a local printing company, NPE Print, in the near future.

For now, Miss Shazwany is grateful that her collage art work, or patchwork of paper-like notes or doodled observations of her daily life, has attracted the attention of the curator of the *Every Move You Make* exhibition at the Institute of Contemporary Arts Singapore, LASALLE.

The exhibition which runs from 27 January to 23 February showcases art works by artists who also hold down full time jobs or do part time work in different fields.

For years the friendly woman, who posts photos of her art works in Instagram, endeavours to present in at least two art exhibitions to ensure she does not stop generating works for public consumption.

When she was interviewed at LASALLE, Miss Shazwany said :

"What's interesting is, since I was at TP, I had already been interested in the arts, even though I was a student at the School of Information Technology. I joined the Photography Club.

"I suppose since the interest was never developed, I made the decision to take up the BA(Hons) Fine Arts at LASALLE.

"I am fortunate because at TP there was a cross-disciplinary scheme that enabled me to take modules not offered by the School of Information Technology.

"So I was able to go to the Business School or Design School to widen my interest and knowledge.

"I enrolled in a course on colour and composition which brought me closer to the spirit of art, where I was able to appreciate painting and colour choice. It was from there that the desire to delve into the fine arts emerged."

While at LASALLE, she went back to capitalise on her skills in multimedia technology to develop an internet site.

In developing a career as a multimedia professional, among the things that had to be produced were portfolios, notes and electronic publications, and this was where her diploma level skills came in useful.

"But I never forgot the arts. Around June 2015, I began the collage project using Post-It notes from the office.

"At that time it was fasting month and I had free time because I did not go out for lunch.

"I produced the art work from early morning before dawn and continued it as a daily routine. From time to time, I saw the collage becoming bigger until over 150 works of art had been created," she narrated.

Among other things, the collage depicted her observations of each journey she took every day to her office.

Some looked like groups of lines, like a 'zebra crossing' or birds flying.

"My style changed from time to time. Most of it were just abstract doodles that left people guessing about each art work.

Berita Harian, Pg 10, 7 February 2017  
Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Limited.  
Permission required for reproduction

"At least in the busy-ness of working, I was able to use simple office stationery to produce works of art," she said.

Miss Syazwany was also grateful her shift from multimedia technology to fine arts has opened opportunities for her as well to become a student to the famous potter, Dr Iskandar Jalil.

They were matched by the Protégé programme run by MENDAKI.

"In those few months, I learnt the discipline of creating art from Dr Iskandar who was very strict.

"With that training, I do not get bored with the daily routine of creating and making the collage into a piece of art as I cannot give up if I want to succeed, " she commented.

*The exhibition 'Every Move You Make' runs at the Brother Joseph McNally Gallery, Institute of Contemporary Arts Singapore, LASALLE College of the Arts, until 23 February.*

*The Gallery is opened from Tuesday to Sunday, 12:00pm to 7:00pm.*